



Kata Alu-Aluan

MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Warga pendidik, murid-murid, warga sekolah dan ibu bapa yang saya kasih,

Pendidikan ialah nadi pembangunan bangsa dan negara. Pendidikan yang efektif berupaya mencorakkan minda dan kualiti masyarakat sesebuah peradaban. Pendidikan ialah proses menyuntik ilmu dan adab kepada manusia; membina kemahiran dan karakter bagi manusia. Pendidikan bertujuan untuk memperkembangkan potensi murid secara holistik, iaitu dalam akademik, kerohanian, emosi serta jasmani. Penekanan inilah yang diterjemahkan dalam konsep karamah insaniah, iaitu menitikberatkan pembangunan dan pembentukan murid beradab, berakhhlak dan berintegriti.

Tahun 2023 telah menyaksikan pelbagai inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dilaksanakan dengan giat bagi meningkatkan kualiti pendidikan anak-anak serta kesejahteraan guru-guru dan ibu bapa. Inilah usaha awal KPM dalam mereformasi pendidikan negara. Kerja keras KPM dalam mengubah persepsi pendidikan agar tidak terikat kepada sebuah aksara prestasi, namun mengambil kira pelbagai sudut penilaian yang holistik mencakupi pendidikan karakter murid telah dimulakan menerusi intervensi ke arah tiga ekosistem pendidikan, iaitu guru, murid dan infrastruktur.

Reformasi pendidikan ialah aspirasi KPM untuk memberikan keadilan kepada semua lapisan masyarakat dan memastikan setiap anak menerima dan mendapat akses pendidikan berkualiti.

Pada tahun 2024, lembaran reformasi pendidikan menginjak perkara dasar dalam pendidikan berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Tahun ini ialah tahun penting yang menyaksikan pelbagai impak dan implikasi muncul akibat perubahan global, ledakan teknologi serta nuansa pascanormal yang melanda masyarakat.

Justeru itu, enam agenda telah digariskan sebagai hala tuju KPM dalam menyokong hala tuju negara, iaitu Pendidikan Digital, Pemerkasaan Kurikulum Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkuuhkan bahasa Inggeris (MBMMBI), peluasan dan pengukuhan prasekolah serta Kurikulum Persekolahan 2027.

Selaras dengan tuntutan perkembangan semasa, penekanan hala tuju KPM ini akan memberikan nilai tambah positif yang berkesan dan dinamik ke arah transformasi pendidikan negara.

Akhirul kalam, tahniah dan syabas saya zahirkan kepada semua warga sekolah khususnya sidang redaksi yang telah berganding bahu dalam merealisasikan penerbitan majalah sekolah ini. Segala sumbangan serta komitmen dalam menghasilkan sebuah majalah yang kompak dengan rakaman sejarah, memori dan informasi amatlah dihargai. Terima kasih setulusnya kerana majalah ini telah melukiskan peta memori serta wajah kenangan manis buat anak-anak dan semoga dapat dimanfaatkan oleh semua pembaca.

**“MURID CERIA, GURU BAHAGIA, SEKOLAH BITARA, DAN NEGARA
SEJAHTERA”**

YB FADHLINA SIDEK
Menteri Pendidikan Malaysia